



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGAJARAN ASAS SENI REKA DALAM PSV PERINGKAT MENENGAH
RENDAH DI SMK LURAH BILUT, BENTONG, PAHANG:
SATU KAJIAN KES**

SURAYA HANI BT ZAKARIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SENI**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah dari hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



07. 04. 2006

SURAYA HANI BT ZAKARIA

M 20041000024





PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi, selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menyempurnakan Laporan Projek ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sumbangsih ini saya tujukan khas buat:

1. Encik Mohd Johari Ab. Hamid selaku penyelia penyelidikan ini yang telah banyak membantu memberi bimbingan dan komen membina sepanjang proses menyediakan laporan ini.
2. Pihak pentadbir dan guru-guru SMK. Lurah Bilut terutamanya Puan Suzana, Cik Normala, Puan Hartini dan Encik Othman yang sedia bekerjasama menjadi subjek kajian. Tidak dilupakan para pelajar SMK Lurah Bilut yang turut serta memberi kerjasama sepanjang sepanjang proses penyelidikan berlangsung.
3. Ayahanda dan bonda serta seisi keluarga di Maran, Pahang dan di Pasir Mas, Kelantan yang tidak pernah jemu membantu baik dari segi sokongan moral mahupun material.
4. Adik tersayang, Siti Nurfatimah binti Zakaria yang sanggup berkorban masa dan tenaga dalam membantu proses penulisan dan penaipan.
5. Suami tercinta, Mohd Sawari bin Rahim yang sentiasa memberi dorongan, semangat dan kekuatan dari segala aspek dalam melaksanakan tugas ini.

Segala jasa dan bakti yang dicurahkan, tidak terbalas di halaman penghargaan ini. Hanya Allah Yang Maha Pemurah sahaja yang mampu membalasnya. Terima Kasih.

Suraya Hani Binti Zakaria
7 April 2006





ABSTRAK

Ini adalah kajian kes mengenai Pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat Menengah Rendah di sebuah sekolah daerah Bentong, Pahang. Secara khususnya kajian ini mengkaji secara deskriptif bagaimana empat orang guru tingkatan satu dan dua menangani pengajaran Pendidikan Seni, KBSM. Tumpuan diberikan kepada latar belakang guru dan amalan pengajaran asas seni reka di dalam bilik darjah. Data mengenai latar belakang guru didapati dari temubual dengan guru berkenaan. Sementara itu, pemerhatian secara langsung dijalankan ke atas amalan pengajaran dalam bilik darjah. Di samping empat subjek yang dikaji, pengkaji juga menemubual pihak pentadbiran dan pengurusan seperti pengetua, guru penolong kanan satu dan dua, ketua panitia Pendidikan Seni Visual dan guru perpustakaan. Selain itu pengkaji juga memeriksa dokumen-dokumen sekolah. Dapatan-dapatan utama kajian ini menunjukkan pertama: tiga dari empat orang guru Pendidikan Seni Visual di sekolah ini tidak mendapat latihan asas yang mencukupi bagi mengajar Pendidikan Seni Visual. Kedua: amalan pengajaran keempat-empat subjek yang dikaji tidak selaras dengan hasrat program Pendidikan Seni Visual khususnya dalam memberi peluang kepada pelajar memupuk minat, memperkembang bakat dan memupuk daya kreatif. Ketiga: tidak ada bilik khas yang sesuai bagi pengajaran Pendidikan Seni Visual. Pengajaran dalam bilik darjah mempunyai suasana yang kurang memberangsangkan. Keempat: hanya terdapat alat dan bahan seni yang asas sahaja untuk sesi pembelajaran pelajar. Kelima: pengetua menganggap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak penting kerana tidak diuji dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).





ABSTRACT

This is a case study of the Art Education Subject of lower form at a school in Bentong, Pahang. This study specialize on the description of how four teachers of form one and two handle the teaching process of Visual Art Education using KBSM methodology. Full attention were given to teacher background such as education qualification, interest and characteristic and also their Art and Design teaching habits in class. Teacher background information were collected during an interview with them. A supervision was also held to observe their teaching habits. Besides, the writer also interviewed the management team including the principal, the senior assistants, panel head of Visual Art Education and the teacher incharged of the library. Other than that, the writer also made some studies on the school's documentation. The writer had found that, first: three out of four Visual Art Education teachers in this school do not have basic training to teach Visual Art Education. Second: the teaching habits of these four teachers is not consistent with the objective of Visual Art Education program especially in giving students the opportunity to develop their talents, interest and creativity. Third: the room used by the teachers is not suitable for teaching and learning process of Visual Art Education. Teaching in the classroom results boredom to the students. Fourth: only basic art materials are available for the students learning process. Fifth: the principles believes that Visual Art Education is not important because it is not one of the subject tested in PMR.



**KANDUNGAN****Muka surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Pengenalan	1 - 4
1.1.2 Pendidikan Seni	5 - 6
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	6 - 7
1.3 Tujuan dan Persoalan Kajian	7 - 8
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.4.1 Kepentingan Penguasaan Asas Seni Reka	9 - 11
1.4.2 Pengajaran Pendidikan Seni Visual di Sekolah Menengah	11 - 17
1.5 Batasan Kajian	17 - 18
 BAB 2: KAEDAH PENYELIDIKAN	19
2.1 Pengenalan	19 - 20
2.2 Lokasi Kajian	21
2.2.1 Penentuan Pilihan Tempat Kajian	21 - 24
2.3 Subjek Kajian	25 - 27
2.4 Kaedah Pengutipan dan Pengumpulan Data	27 - 28





2.4.1 Kajian Literatur	28 - 29
2.4.2 Kajian Lapangan	29
2.4.2.1 Temu bual	29 - 30
2.4.2.2 Pemerhatian	30
2.4.2.3 Perakam Visual	30
2.4.2.4 Bukti Dokumen	31
2.5 Penutup	31

BAB 3: DAPATAN KAJIAN

3.1 Pendahuluan	32
3.2 Deskripsi Subjek	33
3.2.1 Puan Suzana	33
3.2.2 Cik Normala	34
3.2.3 Encik Othman	35
3.2.4 Puan Hartini	36
3.2.5 Kesimpulan	36 - 37
3.3 Pemerhatian Dalam Bilik Darjah	38
3.3.1 Kes Satu : Puan Suzana	38 - 46
3.3.2 Kes Dua : Cik Normala	46 - 52
3.3.3 Kes Tiga : Encik Othman	52 - 61
3.3.4 Kes Empat : Puan Hartini	61 - 66
3.3.5 Kesimpulan	66 - 71
3.4 Temu bual Dengan Pihak Pentadbiran dan Pengurusan	71 - 78
3.5 Pemeriksaan Dokumen Sekolah	79
3.6 Rumusan dan Cadangan	80



3.6.1 Pengenalan	80
3.6.2 Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Seni	80 - 82
3.6.3 Cadangan	82 - 85
3.7 Penutup	86 -88

RUJUKAN

LAMPIRAN

**SENARAI GAMBAR****Gambar****Muka Surat**

Gambar 1	Contoh jalinan sentuh yang dihasilkan oleh pelajar menggunakan bahan plastersin	40
Gambar 2	Corak pucuk rebung yang dihasilkan oleh Puan Suzana di papan hijau	41
Gambar 3	Cik Normala sedang membuat tunjucara kepada pelajarinya	47
Gambar 4	Hasil karya cetakan pelajar yang kedudukannya tidak teratur	57
Gambar 5	Puan Hartini yang diberi tanggungjawab mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni	61
Gambar 6	Hasil kerja pelajar yang rosak akibat tumpahan warna	65





BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 .1 Pengenalan



Seni itu bukan satu perkara yang mudah untuk ditakrifkan dengan jelas dan tepat. Oleh kerana seni wujud dalam aktiviti manusia, pelbagai takrifan telah dibuat oleh ahli-ahli fikir mengenai seni. Tolstoy (1898) mentakrifkan seni sebagai satu aktiviti menyalurkan perasaan yang dialami oleh orang lain, sehingga kesannya seolah-olah dirasakan bersama. Kahler (1959:17) juga mengatakan seni adalah aktiviti manusia, “..which explores, and thereby creates, new reality in a suprarational visional manner and presents it symbolically or metaphorically, as a microcosmic whole signifying a macrocosmic whole.” Ringkasnya, seni itu satu proses kreatif manusia.





Kekreatifan memerlukan imaginasi. Menurut Stevani (1967) seni adalah imaginasi yang kreatif. Imaginasi yang dimaksudkan oleh Stevani ialah pengajaran lepas yang diolah semula dalam satu cara baru. Pendapat yang sama dikemukakan oleh Emerson (1953:9) mengenai seni yang dikatakan sebagai *"the expression of an impression"*. Manusia melahirkan kesan yang mendalam dari perkara yang dilihat, didengar dan dialami sehingga mempengaruhi luahan perasaan. *"Impression"*, menurut Emerson lagi boleh terjadi melalui imaginasi.



Read (1958) menyebut bahawa "seni secara sederhana dan biasanya ditakrifkan sebagai usaha untuk mencipta bentuk yang menyenangkan (*pleasure*)". Aturan bentuk-bentuk yang menyenangkan ini dalam bentuk kerja dalam erti kata yang luas memungkinkan terhasilnya sesuatu yang indah. *"Art is the quality of doing and of what is done"*. Pernyataan yang dibuat oleh Dewey (1934:214) mengenai seni ini bermaksud nilai seni tidak hanya terdapat pada hasilan tetapi pada proses melakukannya. Terdapat gabungan yang erat antara hasilan dan pengalaman menciptanya.

Begitulah beberapa pandangan yang dilihat dari sudut yang berbeza antara satu sama lain. Kesimpulannya, dapatlah disimpulkan bahawa seni itu melambangkan aspek batiniah manusia yang dilahirkan dalam bentuk konkrit atau visual. Chapman (1978) mempunyai pendapat yang sama dengan mengatakan seni memberi *form* kepada perasaan dan idea serta memperkaya wawasan kita terhadap alam sekeliling. Di samping itu perasaan Luca dan





Kent (1968) telah menambah satu lagi unsur iaitu sikap atau pengalaman peribadi seseorang yang diluahkan secara intelektual dan emosional.

Dunia seni ini amat luas serta merangkumi banyak elemen lain seperti seni halus, seni studio tradisional, seni bina, seni perfileman, seni foto, seni grafik dan sebagainya. Simbol-simbol kebudayaan dan artifak yang digunakan dalam kehidupan seharian juga terkumpul dalam bidang seni. Sungguhpun begitu, kajian ini hanya menjurus kepada seni visual atau seni tampak. Menurut Dimmack (1960) seni tampak ialah hasil gerak balas individu ke atas aspek-aspek persekitaran yang signifikan, dilahirkan dalam bentuk lukisan. Huraian MacFee (1970:30) mengenai seni tampak ialah:



"...the form human behavior by which man purposefully interprets and enhances the quality of essence of experience through the things he produces, from the simple enhancement of a tool to the profound projection in painting, sculpture, architecture and city planning"

Para pendidik sebulat suara mengatakan seni tampak adalah satu saluran yang bagi kanak-kanak melahirkan idea atau perasaan mereka. De Francesco (1958) telah memberi tiga fakta bagi menyokong hujah tersebut. Pertama, ekspresi dalam bentuk tampak adalah bukti nyata berlakunya pertumbuhan kreatif. Kedua, seni tampak merangkumi unsur-unsur estetik seperti garisan, warna, jalinan, bentuk, ruang dan sebagainya. Ketiga, seni tampak boleh dilahirkan dalam pelbagai cara menggunakan berbagai jenis bahan.





Mata Pelajaran Pendidikan Seni telah lama diajar di sekolah-sekolah di Malaysia. Mata pelajaran ini telah mula diperkenalkan semenjak zaman British lagi dan telah berkekalan hingga ke hari ini. Ketika itu mata pelajaran ini dikenali sebagai Lukisan. Mata pelajaran ini kemudiannya dikenali sebagai Seni Lukis dan Pertukangan Tangan dan pada masa ini ia disebut sebagai mata pelajaran Pendidikan Seni. Ini jelas menunjukkan bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni telah melalui beberapa perubahan dan akan terus berubah.

Di sekolah, seni tampak dikenali sebagai mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Sebelum abad ke lapan belas ia dikenali sebagai Seni Lukis dan Pertukangan Tangan. Perubahan ini berlaku kerana objektif mengajar tidak lagi mementingkan kemahiran melukis sahaja. Konsep seni sebagai lukisan dan sebaliknya lukisan sebagai seni telah luput kerana seni tidak lagi diajar untuk tujuan mendapat kemahiran vokasional atau melahirkan ahli tukang dan pelukis yang terkenal.

Perubahan ini sejajar dengan *Child Study Movement* yang dipelopori oleh Hall (1911). Pergerakan ini mementingkan perkembangan mental dan fizikal kanak-kanak, berasaskan idea Pestalozzi dan Froebel. Kanak-kanak tidak lagi dianggap seperti orang dewasa bertubuh kerdil sebaliknya sebagai individu yang mempunyai keperluan, citarasa, penghayatan, persepsi dan imaginasi yang tersendiri. Melalui Pendidikan Seni Visual kanak-kanak boleh melatih deria, emosi, intelek dan daya pengamatan dengan sebaik-baiknya.





1.1.2 Pendidikan Seni

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (1981) mentakrifkan Pendidikan Seni sebagai satu mata pelajaran yang dapat memberi peluang kepada murid-murid memperkembangkan bakat dan minat mereka dalam bidang seni dan budaya. Kini, bukan penghasilan kerja yang baik dan berkualiti tinggi sahaja dijadikan prioriti sebaliknya penglibatan, pemikiran dan daya kreatif murid juga diutamakan.

Takrifan Steveni (1967:30) mengenai Pendidikan Seni ialah *"the imaginative synthesising of certain kind of simulated emotional states... an art product"* Lowenfeld (1957:1) menghuraikan Pendidikan Seni sebagai *"...an education in all its mental, emotional and spiritual implications which is largely responsible for attitudes and action..."*

Read (1947) dalam bukunya, *Education Through Art* menyatakan, *"Education is fostering of growth, but apart from physical maturation, growth is only made apparent in expression using visible and audible signs and symbols."*

Dewey (1934) berpendapat Pendidikan Seni memainkan peranan yang penting dalam perkembangan menyeluruh kanak-kanak.





Dalam Bukunya *"Arts as Experience"*, beliau mengatakan bahawa,
" Education is primarily the development of a constructive and creative personality through both encounter with great works of arts and dexterity with artistic tool of expression"

1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Banyak perhatian yang diberikan untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap kebolehan menguasai asas senireka diperingkat sekolah khasnya pada peringkat menengah rendah. Masalah tidak dapat menghasilkan hasil seni dengan baik dikalangan pelajar sekolah amat ketara. Kebanyakan pelajar, walaupun telah mempelajari asas senireka sejak sekolah rendah dan dalam sukatan kurikulum peringkat menengah rendah, laporan prestasi peperiksaan masih menunjukkan kelemahan pelajar dalam penghasilan produk yang berkualiti.

Tambahan pula buat masa ini, kajian dalam penyelidikan terhadap pengajaran asas seni reka ini kurang mendapat perhatian dari para pengkaji. Sehubungan dengan itu, penyelidikan tentang pengajaran unsur seni reka dalam Pendidikan Seni Visual adalah sangat relevan memandangkan isu yang dikaji ini sering dipinggirkan.

Permasalahan ini menjadi bertambah kritikal lantaran sikap kurang mengambil perhatian yang ditunjukkan oleh sebahagian pihak pentadbir





sekolah terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni di peringkat menengah rendah. Hal ini semakin hari semakin membusung nanah apatah mata pelajaran ini tidak tersenarai dalam Penilaian Menengah Rendah. Ironinya, penekanan pengajaran hanya difokuskan kepada mata pelajaran peperiksaan semata-mata.

Oleh kerana tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji perlakuan dan proses pengajaran asas seni reka empat orang guru Pendidikan Seni di SMK Lurah Bilut, dapatan kajian ini mungkin dapat memberi petunjuk dalam isu pengajaran asas seni reka ini.

1.3 TUJUAN DAN PERSOALAN KAJIAN



Kurikulum Pendidikan Seni dalam KBSM telah membawa pembaharuan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kejayaan program Pendidikan Seni Visual di sekolah adalah bergantung kepada guru untuk melaksanakannya. Tujuan kajian ini ialah bagi melihat sama ada guru-guru di sekolah menengah rendah mempunyai kebolehan melaksanakan program Pendidikan Seni Visual seperti yang dihasratkan. Oleh kerana garis panduan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual telah dirangka oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pengkaji ingin melihat cara guru menanganinya dalam bilik darjah.

Khususnya, tumpuan kajian ini adalah aspek-aspek berikut:

Latar Belakang Guru:





1. Apakah latar belakang guru dari segi kelulusan akademik dan ikhtisas untuk mengajar asas seni reka dalam Pendidikan Seni Visual?
2. Bagaimana penglibatan guru dalam bidang seni?
3. Bagaimana pengalaman mengajar khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual?
4. Apakah kursus yang pernah dihadiri oleh guru-guru yang terlibat dengan pengajaran Pendidikan Seni Visual?
5. Bagaimanakah minat guru dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual?
6. Bagaimanakah pendekatan yang diambil oleh guru untuk mengajar asas seni reka dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di peringkat menengah rendah?
7. Bagaimanakah proses awal, semasa dan selepas pengajaran asas seni reka dalam Pendidikan Seni Visual di bilik darjah berlangsung?
8. Bagaimanakah bahan yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual untuk mengajar asas seni reka dalam proses pengajaran mereka?
9. Apakah kandungan asas seni reka yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual bagi peringkat menengah rendah?
10. Bagaimanakah peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbir terhadap pengajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat menengah rendah?
11. Bagaimanakah kemudahan dan prasarana yang disediakan untuk menjalankan aktiviti pengajaran asas seni reka dalam Pendidikan Seni Visual?





1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

1.4.1 Kepentingan Penguasaan Asas Seni Reka

Penguasaan asas seni reka merupakan satu kemahiran asas yang terpenting dalam penghasilan sesuatu Produk Seni Visual. Kepentingan kemahiran ini sememangnya tidak dapat disangkal sekiranya dilihat dari segi keperluannya oleh pelajar sebagai penuntut di sekolah, pelajar sebagai calon peperiksaan dan pelajar sebagai bakal tenaga seni mahir. Di samping itu penguasaan asas seni reka juga membolehkan kanak-kanak berkomunikasi melalui bahasa antarabangsa iaitu bahasa tampak seperti garisan, warna, bentuk, jalinan, ruang dan prinsip seni yang



Tambahan pula, di alam persekolahan banyak kegiatan pembelajaran yang memerlukan pelajar mempunyai kemahiran melukis yang bermula dengan penguasaan asas seni reka. Lantaran itu, kemahiran melukis ini bukan sahaja diperlukan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tetapi juga dalam hampir semua mata pelajaran lain seperti Sejarah, Sains, Kemahiran Hidup dan sebagainya.

Kepentingan kajian ini juga lahir daripada kepentingan menguasai asas seni reka dalam sukatan pelajaran menengah atas, di mana pelajar merupakan calon yang akan menduduki peperiksaan.



Pelajar perlu menguasai asas seni reka untuk menghasilkan lukisan seni halus dengan baik dalam Kertas 2, di samping menghasilkan folio dan produk seni dalam Kertas 3. Justeru, pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas seni reka di peringkat menengah rendah, tidak boleh dipandang ringan. Bentuk pengajaran yang berkesan perlu dirancang dan dijalankan di sekolah bagi menghasilkan pelajar yang berkemampuan untuk menguasai asas seni reka dalam pelbagai situasi.

Meninjau dari sudut tenaga kerja pula, kerjaya seperti pereka bentuk hiasan dalaman, reka bentuk industri, lanskap, senibina dan sebagainya banyak memerlukan asas dalam melukis. Hal ini bermaksud, penguasaan asas seni reka juga merupakan suatu kemahiran yang amat penting dalam usaha menyediakan pelajar sebagai bakal tenaga mahir dalam bidang kerjaya yang berkaitan. Matlamat ini selaras dengan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan, iaitu menyediakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang membolehkan mereka menjadikan ilmu dan kemahiran itu sebagai asas kerjaya.

Kajian ini memberi pengetahuan empirikal tentang pengajaran unsur seni reka yang berlaku semasa pelajar berada dalam peringkat menengah rendah. Kajian deskriptif yang dijalankan dalam persekitaran kelas seperti yang terdapat dalam kajian ini dapat memberi kefahaman tentang pengajaran asas seni reka yang lebih realistik dan lebih bermakna. Graves (1983) mencadangkan bahawa kajian yang

berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran perlu dijalankan di sekolah supaya data yang diperoleh, dilihat oleh guru sebagai dapatan yang boleh dipercayai.

Oleh itu, kajian ini penting untuk membekalkan maklumat tentang proses pengajaran guru untuk dijadikan petunjuk dalam perancangan pengajaran dan kurikulum. Selain itu, kajian ini juga akan dapat memenuhi ketandusan kajian dalam pengajaran asas seni reka peringkat menengah rendah secara keseluruhannya.

1.4.2 Pengajaran Pendidikan Seni Visual di Sekolah Menengah

Seni sebagai satu mata pelajaran di peringkat menengah rendah boleh memberi manfaat atau sebaliknya, semuanya bergantung kepada sikap guru dan kaedah pengajaran yang digunakan. Pengalaman pahit dalam bilik darjah boleh menyebabkan murid membenci dan bersikap negatif terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk selamanya. Keadaan ini akan menjadikan pelajar tersebut tidak mahu mengambil atau memilih Mata Pelajaran Pendidikan Seni semasa berada di tingkatan menengah atas.

Bukan sebarang guru boleh mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Seni. Tetapi kebanyakan sekolah peringkat menengah rendah, guru yang dikehendaki mengajar mata pelajaran ini biasanya bukanlah guru yang opsyen dalam bidang seni. Oleh yang demikian,

guru-guru tersebut terpaksa menangani Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual ini, walaupun beliau tidak berpengalaman, tidak berkebolehan ataupun tidak berminat dalam mata pelajaran ini.

Pengajaran Pendidikan Seni Visual mesti bermula dari mudah beransur-ansur kepada yang kompleks (Smith,1871). Dalam pusingan pengalaman seni yang dirumuskan oleh Erdt (1962) beliau memulakan dengan motivasi, diikuti dengan pelepasan (*release*), penyempurnaan (*accomplishment*) dan kepuasan.

Guru boleh merangsang minat murid-murid dengan berbagai cara seperti menggalakkan murid mengingat pengalaman lalu, membuat lawatan ke tempat-tempat menarik atau mendengar cerita. Pada masa dahulu, guru dikehendaki mengajar murid tentang cara melukis, mewarna dan membuat model. Murid digalakkan meniru dan yang ditekankan ialah kemahiran. Kini kanak-kanak digalakkan menggunakan seni sebagai saluran melahirkan idea dan meluahkan emosi. Tugas guru hanya menyediakan persekitaran dan alat bahan yang bersesuaian. Murid diberi kebebasan menonjolkan keindividuan masing-masing melalui hasil seni mereka.

Ball dan Lacy (1980) mengatakan tujuan guru Pendidikan Seni Visual ialah mencungkil bakat murid dan membantu kanak-kanak yang berpotensi, berbeza dengan mata pelajaran lain yang hanya menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid. Adalah menjadi tugas

guru mewujudkan keadaan yang boleh menyedarkan kanak-kanak terhadap potensi dirinya dan kanak-kanak mengalami seni sebagai satu komunikasi, ekspresi sendiri dan kepuasan (Ross, 1980)

Guru sama sekali tidak seharusnya mengambil alih kerja murid dan menyelesaikan masalah mereka. Walaupun hasil kerja murid yang dibantu oleh guru adalah lebih baik tetapi murid itu sendiri tidak mengalami proses mencipta sepenuhnya. Ia mungkin tidak menghargai hasil kerja sekalipun amat baik kerana ia bukan ciptaan sendiri sebaliknya hak milik gurunya.

Dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual, guru hanya perlu berdiri di sisi, memberi saranan dan khidmat nasihat kepada murid sehingga tercapainya satu pengalaman bekerja yang lebih bermakna dan akhirnya mendapat hasil yang membanggakan. Guru harus menggunakan kepakarannya supaya bimbingan yang diberikan tidak ketara agar murid tidak terasa ia hanya menghasilkan satu idea guru bukan ideanya sendiri. Tujuan guru ialah mengeluarkan yang terbaik dari muridnya.

Walaupun guru tidak digalakkan campur tangan dalam proses kreatif murid, mereka tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya sebagai pembimbing. Adalah menjadi tugas guru juga menyedarkan murid kasil kerja yang menyerupai gambar fotografi kurang bernilai dari hasil kerja yang kreatif.

Lowenfeld (1946) meletakkan asas psikologikal dalam pelajaran seni. Beliau berminat dalam pertumbuhan mental dan kekreatifan kanak-kanak dan menganggap seni sebagai alat bagi membantu pertumbuhan tersebut. Lowenfeld menyarankan guru-guru seni sentiasa memerhati perkembangan kanak-kanak dan apa yang berlaku semasa proses penciptaan berjalan. Tumpuan adalah kepada kanak-kanak, seni hanya sebagai media komunikasi sahaja.

Kekreatifan murid berpunca dari guru sendiri. Sekiranya guru mempunyai sifat inovatif, berdaya imaginasi tinggi dan kreatif, sifat-sifat ini akan dapat disalurkan kepada murid-murid dengan berkesan.

Secara unggulnya, setiap guru Pendidikan Seni Visual perlu aktif dalam aktiviti kreatif kerana hanya dengan cara ini mereka dapat memahami dengan mendalam kerja pelajarannya. Mereka juga dapat mengesan terlebih dahulu masalah yang mungkin dihadapi oleh muridnya terutama dalam penggunaan alat bahan yang baru.

Guru Pendidikan Seni Visual tidak semestinya seorang pelukis yang mahir. Tetapi ia perlu mempunyai minat dalam seni dan bertimbang rasa, bersifat sabar dan sentiasa melayani sifat ingin tahu pelajarannya. Guru perlu menyediakan pelbagai alat bahan yang sesuai bagi digunakan oleh murid. Alat bahan sahaja tidak mencukupi, kanak-kanak perlu belajar bagaimana menghubungkan alat bahan dengan daya pemikiran kreatif. Satu cara yang paling cepat dan berkesan ialah

dengan memberi kebebasan kepada murid meneroka persekitarannya dan menemui sendiri bagaimana penerokaan itu boleh membantu mereka.

Dewey (1934) melihat persekitaran semula jadi bersifat biologikal. Beliau percaya alam dan manusia saling bergantung dan perlu penyesuaian bagi mencapai keseimbangan dan kesempurnaan. Oleh itu kanak-kanak digalakkan menghayati, mengkaji, dan meneroka persekitarannya supaya menjadi lebih peka.

Menurut Gibb (1934) guru Pendidikan Seni Visual boleh dibahagikan ke dalam tiga kategori, iaitu guru "*Specialist*", yang dianugerahi bakat sebagai pelukis; guru yang mendapat latihan bagi mengajar Pendidikan Seni tetapi tidak berbakat dalam seni dan guru yang tidak berbakat dan tidak mendapat latihan untuk mengajar Pendidikan Seni tetapi mengajar kerana terpaksa.

Luca dan Kent (1968) juga mendapati ada tiga jenis guru Pendidikan Seni, iaitu seorang guru am yang tidak bersedia dan tidak berminat; guru yang berminat dan mendapat latihan; dan guru-pelukis yang berdedikasi sebagai pelukis yang benar-benar terlibat dan berkeupayaan dalam pengajaran.

Guru perlu diberi latihan, jika guru yang tidak berbakat dan tidak juga dilatih disuruh mengajar seni, ia akan membuang masa dan

membazirkan bahan. Lebih buruk lagi ia mungkin merosakkan kepekaan estetik pelajar, umpamanya apabila seseorang guru membenarkan pelajar semata-mata meniru. Ini juga akan menghalang gerak balas semula jadi pelajar menyalurkan emosi melalui Pendidikan Seni.

Pelajar boleh menghasilkan kerja yang baik, walaupun di bawah bimbingan guru yang tiada latihan seni. Ini berlaku apabila guru tersebut sedar apa yang ingin dicuba oleh murid dan mempunyai idea dan kebolehan menilai yang tinggi untuk mengetahui cara yang paling baik bagi menggalakkan murid mencipta.

Guru dilihat sebagai model oleh muridnya, dan setiap saranannya diterima. Oleh itu sepatah kata pujian terhadap hasil kerja yang berkualiti boleh menaikkan semangat murid untuk menghasilkan kerja yang lebih baik. Sebaliknya kritikan yang membina boleh membimbing pelajar untuk memperbaiki kelemahannya.

Dalam menilai hasil kerja murid, guru tidak boleh membandingkan hasil kerja murid dengan hasil kerja orang dewasa. Murid melukis menggunakan pendekatan simbolik untuk melahirkan perasaannya. Kesimpulannya, seni bukan sesuatu yang mudah untuk diajar, namun guru boleh menggunakan strategi mengajar yang mudah dan menggunakan istilah seni yang mudah difahami. Ia memerlukan

persediaan dan kebijaksanaan guru merancang dengan inovatif dan kreatif.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya akan membincangkan unsur seni reka yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual peringkat menengah rendah. Selain itu, kajian ini juga hanya dijalankan di sebuah sekolah dan subjek yang dikaji adalah dihadkan kepada empat orang guru. Kajian ini cuma dapat dijalankan selama enam minggu sahaja.

Pemerhatian ke atas pengajaran guru terhad kepada empat kali seorang bagi tajuk asas seni reka yang berbeza. Oleh itu setiap kegiatan bagi satu aspek hanya diperhatikan sekali sahaja. Selain itu, perincian maklumat tentang penilaian dan hasil kerja pelajar yang terperinci tidak dilakukan dalam kajian ini memandangkan keseluruhan kajian bertujuan untuk mendapat maklumat tersebut dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Kajian yang dijalankan dibuat mengikut situasi kelas yang sebenar tanpa campur tangan dari penyelidik. Oleh itu kajian tentang pengajaran guru tersebut dijalankan mengikut pilihan asas seni reka yang diajar oleh guru pada masa tersebut.

Oleh kerana pengkajian ini melihat pengajaran empat orang guru Pendidikan Seni di sebuah sekolah menengah, justeru dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasi kepada sampel kajian yang berbeza. Tambahan pula



dengan jumlah peserta kajian yang kecil, kajian ini tidak boleh dijadikan sebagai petunjuk tentang perlakuan dan proses pengajaran guru Pendidikan Seni Visual di Malaysia secara umum. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini dapat diaplikasi kepada situasi pengajaran dalam sekolah yang sama.

